

# Bekas Akauntan Negara ketuai Bank Pembangunan

UM 25 AUG 2001

KUALA LUMPUR, 24 - Bekas Akauntan Negara Malaysia, Datuk Mohamed Adnan Ali, dilantik sebagai pengerusi baru Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Bhd. (BPIMB).

Pelantikan beliau berkuat kuasa 25 Jun, demikian diumumkan oleh BPIMB dalam kenyataannya hari ini.

Dalam ucapan Belanjawan Negara bagi tahun kewangan 1999, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan pertambahan modal berbayar bank itu daripada RM105.5 juta kepada RM1 bilion dan mengambil alih portfolio pembiayaan projek infrastruktur.

BPIMB terus mengekalkan fungsi asalnya iaitu membantu membangunkan usahawan di sektor perindustrian khususnya di kalangan industri kecil dan sederhana bumiputera serta masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera, tambah kenyataan itu.